

21/03/2001

100 cuba serah memorandum kepada PM

KUALA LUMPUR, Selasa - Kira-kira 100 orang berhimpun di luar pintu utama Parlimen di sini hari ini, untuk menyerahkan memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berhubung pergaduhan antara dua kumpulan penduduk di Jalan Klang Lama, baru-baru ini.

Seorang lelaki yang memperkenalkan dirinya kepada wartawan sebagai Charles Santiago, dan sebagai pemimpin kumpulan yang menggelarkan diri mereka sebagai 'kumpulan rakyat prihatin', enggan menyerahkan memorandum itu kepada Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Senator Datuk M Kayveas, yang menghampirinya di pintu setelah dimaklumkan mengenai kehadiran kumpulan itu.

Kumpulan itu mendesak mahu menyerahkan memorandum itu terus kepada Dr Mahathir atau timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr Mahathir dan Abdullah pada masa itu tiada di Parlimen.

Kumpulan itu dilihat mahu menyerahkan kepada Dr Mahathir memorandum yang sama yang diedarkan kepada pemberita di pintu utama Parlimen dan sebelum itu telah diedarkan kepada ahli Parlimen pembangkang pada persidangan Parlimen hari ini.

Santiago berkata, beliau enggan memberikan memorandum itu yang ditujukan kepada Perdana Menteri menerusi Kayveas kerana ia membabitkan isu negara dan ia hanya untuk tatapan Dr Mahathir atau Abdullah saja.

Tidak dapat disahkan sama ada kumpulan itu sememangnya terdiri daripada penduduk Kampung Medan atau kawasan perumahan berhampiran Jalan Klang Lama, tempat pergaduhan itu berlaku baru-baru ini.

Kayveas memberitahu pemberita beliau kesal dengan sikap kumpulan itu yang tidak menghormatinya dan tidak faham mengapa mereka mendesak untuk berjumpa Dr Mahathir atau Abdullah sedangkan ahli Parlimen boleh meneliti tuntutan berkenaan.

(END)